

# 32 kakitangan MPSJ sertai aktiviti di Hutan Simpan Ayer Hitam

**BERSEMANGAT.** Seramai 32 kakitangan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menyertai program Lawatan Akademik & Fitlife MPSJ di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, Selangor baru-baru ini.

Program yang diketuai Yang Dipertua MPSJ, Noraini Roslan itu

turut mendapat kerjasama daripada pegawai Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program tersebut antaranya aktiviti menjejak hutan, pembelajaran awam, mengenali alam dan flora serta aktiviti berenang di Blue Lagoon.



**NORAINI (tengah) bergambar kenangan bersama kakitangan MPSJ di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong baru-baru ini.**